



RUU keselamatan siber bantu perkemas kelompongan, elak pertindihan kuasa - CSM

Jun 16, 2023 @ 6:43pm

KUALA LUMPUR: Penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Siber dijangka berupaya memastikan sebarang isu dan kelompongan dalam undang-undang berkaitan sedia ada dapat diperkemaskan.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia (CSM), Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata ia juga dapat mengelak wujudnya jurang atau pertindihan dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan.

Langkah itu juga, katanya, boleh meningkatkan kemampuan serta memperkuuh ekosistem keselamatan siber di Malaysia secara menyeluruh untuk memastikan keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara sentiasa terjamin.

"Dalam hal ini, CyberSecurity Malaysia berpendapat RUU Keselamatan Siber perlu digubal bagi membantu Malaysia menghadapi, menangani risiko dan mengurangkan jumlah ancaman serta serangan siber negara," katanya hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilapor berkata, Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara memutuskan agar RUU berkenaan digubal segera, bagi memastikan segenap aspek perundungan yang berkaitan dapat dituntaskan.

Katanya lagi, RUU itu akan memberi Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) punca kuasa undang-undang yang jelas untuk mengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang berkaitan keselamatan siber serta menambah baik keberkesanan fungsi agensi berkenaan.

Amirudin berkata, penggubalan itu juga menunjukkan komitmen kerajaan dalam menangani masalah dan ancaman keselamatan siber, selain diharap dapat membantu kerajaan dalam menguatkuasakan tindakan untuk mengurangkan jenayah siber di negara ini.

"Rang undang-undang ini bukan sahaja berkesan secara responsif terhadap insiden keselamatan siber, malah dapat digunakan secara proaktif seperti memberi kesedaran dalam kalangan orang ramai dan organisasi.

"Ini dapat membantu kesediaan dan daya tahan negara terhadap sebarang serangan siber," katanya.

Menurutnya, langkah itu juga dijangka berupaya membantu organisasi mengenal pasti keperluan dan jurang keselamatan siber melalui garis panduan serta piawaian yang perlu diikuti dan diterima pakai di peringkat global.

Katanya, ia bagi memastikan organisasi mematuhi peraturan yang ditetapkan, aktiviti pemantauan dan pengauditan, terutamanya melibatkan sektor kritikal negara perlu dimasukkan dalam akta berkenaan.

"Selain itu, melalui rang undang-undang ini juga, persijilan ke atas produk digital dapat dikuatkuasakan bagi memastikan sesuatu produk mempunyai ciri-ciri keselamatan siber yang diiktiraf mengikut amalan terbaik dan garis panduan antarabangsa.

"Persijilan ini membantu menentukan bahawa produk digital selamat digunakan dan tidak mudah dikompromi," katanya. - BERNAMA